Pertamanya, konsep pengswastan perkhidmatan awam yang dipelopori oleh Tun. Dari segi permukaannya nampak pengurusan akan lebih baik serta efisien tetapi dibaliknya ianya membawa kepada 'keuntungan' perniagaan. Keuntungan inilah yang menjadi persoalan. Berniagalah apa sahaja, tetapi bukannya perkara-perkara yang menjadi hak asasi seseorang rakyat. Apakah hak tersebut? Bekalan air, bekalan elektrik, jalanraya dan sebagainya. Untuk menyediakan perkara-perkara yang asas ini sudah semesti memerlukan modal, tak salah mengambil semula modal yang dikeluarkan seperti kos pengurusan, kos penyelenggaraan, kos membaikpulih, kos bahan api dan sebagainya akan tetapi apabila pengswastan berlaku secara tak langsung perolehan akan mengambil kira keuntungan, disinilah saya amat tidak bersetuju. Tetapi dalam pada itu kita semua masih bernasib baik kerana perkhidmatan kesihatan Negara tidak atau belum lagi diswastakan dan sekiranya ini berlaku maka terlalu ramai lagilah rakyat yang akan menderita.

Keduanya prinsip ketidaksiharan pembangunan industri dengan pembangunan pertanian. Pada ketika ini, bolehkah kita terus hidup sekiranya Negara tidak mengimpot bahan-bahan asas tani? Kemungkinan besar kita tidak boleh, yakni secara tidak langsung kita sentiasa bergantung dengan negara-negara pengeluar hasil tani. Kemajuan industri yang dikejar amatlah baik, tetapi perkembangan hasil tani semestinya diteruskan. Perimbangan inilah yang kurang dipertekankan.

Tahun 1985 Proton mengeluarkan modelnya yang pertama dengan harga lebih kurang RM17,000. Walaupun dilabelkan sebagai kereta termurah dipasaran, hanya satu atau dua tahun sebelum itu, Nissan 130Y dijual dengan harga lebih kurang RM14,000 sahaja dan apabila Proton memasuki pasaran, kesemua kereta import dinaikkan harga. Agak kurang jelas kenapa Proton perlu menjual

keretanya dengan harga yang agak tinggi walaupun banyak komponen kereta tersebut dibuat diNegara ini. Dalam tahun 1990, Proton berharga dalam lingkungan RM29,000 dan semasa saya berada di UK, Proton dipasarkan disana dengan harga serendah £6,000 dan semasa itu kadar pertukaran adalah lebih kurang RM4.2 untuk satu Pound. Harga berbeza sebanyak 3 atau 4 ribu dengan pasaran dalam Negara. Bayangkanlah, dengan kos penghantaran, cukai itu dan ini tetapi masih lagi boleh menjualkannya dengan harga yang lebih rendah maka ini adalah satu keadaan yang tidak sihat dan semestinya perlu dilihat dengan lebih teliti lagi.

Baiklah, walaupun saya tidak bersetuju dengan beberapa polisi, tetapi tidak terkira banyaknya lagi perkara-perkara yang Tun pelopori demi kemajuan Negara ini. Dasar pandang ke Timur contohnya, walaupun mungkin ramai yang kurang memahaminya, tetapi dasar ini membawa erti yang lebih mendalam yakni bukan sahaja kemajuan material yang dikejar tetapi juga pembinaan sahsiah diri serta mengekalkan nilai-nilai ketimuran juga menjadi asas dasar ini. Saya masih ingat sewaktu Tun mula-mula menjadi Perdana Menteri, slogan "Bersih, Cekap dan Amanah" adalah slogan Tun dan sebagai rakyat kebiasaan yang membesar dengan slogan ini, ianya menjadi pegangan hidup saya sehingga hari ini, Alhamdulillah.

Pemerintahan yang singkat oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi, tiada apa-apa yang boleh dibanggakan pada pandangan saya. Beliau mungkin seorang Perdana Menteri yang jujur akan tetapi dengan adanya cerita-cerita yang kurang disenangi mengenai menantu beliau maka sedikit sebanyak kebersihan yang digambarkan sedikit dicemari. Mungkin beliau memerlukan masa yang lebih untuk terus membawa kemajuan hanya Allah sahaja yang tahu.

Kerana Allah saya katakan disini, saya langsung tidak nampak apa-apa yang baik untuk diceritakan dari tahun 2009 sampai sekarang ini. Pemerintahan Dato' Sri Najib benar-benar gagal membawa sebarang perubahan yang nyata tetapi dalam pada itu, mungkin ada sedikit perubahan yakni memperkenalkan klinik 1Malaysia, tetapi hanya pembantu perubatan sahaja yang menjalankan tugas disitu, agak membantu tetapi kurang menyeluruh. Mungkin saya boleh menyebut tentang BRIM disini, tetapi saya amat-amat tidak bersetuju dengan BRIM dari hari pertama ianya diperkenalkan. Kita tidak mahu memdidik rakyat kita menjadi masyarakat yang meminta-minta! Di Eropah, kita boleh lihat masyarakat sebegini yang hanya hidup diatas elaun yang diberikan oleh kerajaan dan mereka-mereka ini menjadi masyarakat yang malas untuk berusaha walaupun mempunyai kederat yang mencukupi.

Yang menjadi kenyataan, sepanjang pemerintahan Dato' Sri Najib, bebanan yang teramat banyak perlu dipikul oleh Rakyat. Pertamanya tentang harga minyak, secara tidak langsungnya harga barangan naik tanpa had selepas harga minyak dinaikkan. Walaupun ada penyelarasan dari masa kesemasa, harga barangan tetap kekal tinggi. Pengenal GST walaupun pada dasarnya baik tetapi akibatnya buruk sekali. Saya akan mengulas serba sedikit mengenai GST ini diperenggan dibawah ini. Membuka penyelarasan harga TOL dan bekalan elektrik banyak membebankan. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Bank Negara, jumlah hutang luar Negara kita untuk suku ketiga 2015 telah menjangkau RM850 billion. Dimana diakhir pemerintahan Tun, ianya sekitar RM197 billion sahaja. Siapakah yang perlu membayar jumlah hutang yang tinggi ini? Jawapannya lain dan tidak bukan, kita semua Rakyat Malaysia dan ianya perlu dibayar dalam pelbagai bentuk. Sekiranya jumlah penduduk kita seramai 30 juta orang, setiap seorang daripada kita sedang berhutang sebanyak lebih kurang RM28,000! Bayi yang baru celik mata pun sudah berhutang sebanyak ini!!!

Siapakah yang sedang membayar cukai untuk membiayai perbelanjaan Kerajaan? Syarikat-syarikat yang berdaftar serta para pekerja yang menerima wang melalui pembayaran bank. Bagaimana pula dengan para peniaga 'online', peniaga pasar malam, peniaga 'bak kut teh', makcik jual nasi lemak tepi jalan, pekerja professional secara kontrak dan pelbagai lagi? Saya berani katakan disini teramat payah untuk mengutip cukai dari golongan ini, dan berkemungkinan bangunan LHDN pun belum tentu mereka tahu dimana. Disinilah keindahan GST itu, tanpa mengira sesiapa, selagi ada perbelanjaan, selagi itulah cukai dikenakan. Akan tetapi cara perlaksanaannya benar-benar tidak memberi aspirasi yang baik. Dari pembuatan/pengimpot, pembekal, pengedar dan akhir sekali pengguna, cukai dikenakan disemua peringkat dimana ianya bertambah untuk setiap pertukaran yang berlaku dan tidak semena-mena pengguna akhir yang terpaksa membayar penambahan-penambahan ini secara total. Begitu juga dengan kadar yang dilihat terlalu tinggi yakni sebanyak 6%! Kadar ini jauh lebih tinggi dari kadar faedah semasa BNM! Disini, sekiranya Kerajaan benar-benar perlukan Dana tambahan untuk menyelesaikan hutang Negara, adalah lebih baik pengurusan kutipan cukai peribadi dari setiap individu dikemaskinikan dan insya Allah, jika setiap individu yang berpendapatan melebihi tahap kemiskinan secara jujurnya menjelaskan tanggungjawab mereka sebagai Rakyat Malaysia, kadar maksimum cukai mungkin jatuh kepada hanya 8% sahaja daripada 25% sekarang ini.

Akhir kata untuk sesebuah Negara yang dikurniakan dengan kesuburan tanah, banyak hasil bumi dan keindahan alam semulajadi, kita semua sepatutnya dapat menikmati kurniaan Ilahi ini dengan lebih baik tetapi malangnya pengurusan yang salah membawa kita semua terhimpit. Dengan pendirian kebanyakan ahli-ahli UMNO yang dizahirkan semasa persidangan 2015 ini, jelas sekali UMNO tidak lagi relevan untuk terus menerajui pemerintahan Negara.

Maafkan saya Tun.


80.  [Log in to Reply Daniel Noor](#) Dec 11, 2015 10:41 PM

When you pay good money to a Prostitute, they will give good services.

Najib has about 190 of that kind to provide the services.

This is UMNO of today.

They willing to sell their souls to a Pirate who plunders this country at will.

81.  [Log in to Reply cruze](#) Dec 11, 2015 9:58 PM

Apa halnya hisammuddin nak suruh2 TSM minta maaf?...

Dan azalina pula berkata "kalau anak jantan sila letak jawatan" kepada TSM. Cik azalina!!!! Awak tu yang macam jantan tak sedar kah selama ini ?

Tak payah nak suruh2 TSM...dia bukan penjenayah atau memfitnah. Tak cukup kah 9 orang ahli utama dari teluk kemang di gantung 6 tahun, ainina dan hamidah di tendang....baik lucutkan saja jawatan dan keahlian umno pada sesiapa yang kamu rasa tak seiring jika benar benar anak perempuan dan tengku nan tu pun sama tak payah nak buaf apa apa kenyataan samar, pecat saja mereka2 yang kamu

semua dan najib tak suka..

Asalamualaikum Tun



82. [Log in to Reply](#) **mokhtar** [Dec 11,2015 4:50 PM](#)

Salam Tun,

Najib 'the chosen one' by Allah to become PM, according to this kerbau from Jerlun. Najib is also the chosen one to receive derma for 26b ++ 42m to his personal account. Najib is also the chosen one to become the husband of this Queen from Minangkabau..he is also the chosen to distribute the zakat received to UMNO division head, include this Kerbau from Jerlun..lebih baik this kerbau jaga MADA.. pastikan tanah2 bendang orang Melayu tidak tergadai lagi kepada orang2 bukan melayu..rupanya bodoh juga si badut dari jerlun ni..



83. [Log in to Reply](#) **Hajar** [Dec 11,2015 4:24 PM](#)

Salam YAB dan Yang DiKasihi Tun,

Nampaknya perwakilan dari Perak (Dato' Hamzah) cuba untuk menidakkan segala jasa & perjuangan Tun M dalam memartabatkan maruah dan imej UMNO semasa menjadi Presiden UMNO / PM.

Mujur majoriti para Perwakilan masih lagi 'berfikiran waras' dan 'memBOO' beliau.

Inilah dia salah seorang 'pemuja' PM Najib @ Ah Jib Gor yang ternyata telah GAGAL sebagai Presiden UMNO. Nama dan imej UMNO rosak teruk di bawah DSN, dan maruah UMNO sudah tercalar & jatuh (mungkin sudah terhumban ke longkang) teruk di kalangan rakyat yang di atas pagar yang dahulunya mengundi UMNO / BN.

Amat menyedihkan dan amat pahit untuk ditelan hakikat yang UMNO sekarang ditolak oleh semakin ramai rakyat semata-mata kerana UMNO ada seorang Presiden yang 'hampeh' prestasinya, korup, dan gagal dalam memahami 'denyut nadi' rakyat kebanyakan.

Yang lagi menyedihkan ialah hakikat adanya segolongan pemimpin2 UMNO yang akal fikirannya amat dangkal & cetek seperti Dato' Hamzah Mohd Kassim yang terlupa bahwa beliau sendiri banyak terhutang budi dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Mungkin sudah terlalu banyak makan duit 'derma' agaknya sehingga tidak tahu mengenang jasa pemimpin2 terdahulu yang telah banyak berjasa kepada 'agama, bangsa dan negara.'

/// Sinar Harian Online

KUALA LUMPUR – Dewan Merdeka di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) kecoh apabila perwakilan dari Perak memberi ucapan dalam nada mempertikaikan perjuangan Tun Dr Mahathir Mohamad dalam Umno.

Kekecohan bermula apabila Datuk Hamzah Mohd Kassim berkata kejayaan Umno hari ini bukan kerana insan yang bernama Mahathir.

"Bukan kerana insan bernama Mahathir...," katanya sambil disambut 'boo' oleh para perwakilan lain dalam Dewan, sebentar tadi.

Bagi menenangkan keadaan Pengerusi Tetap Umno, Tan Sri Badruddin Amiruldin berkata, "ubah muka surat dan baca topik lain."

"Yang berlalu biarlah berlalu, yang penting kita pandang ke hadapan," katanya.

Keadaan kembali tenang selepas Hamzah tidak lagi berbicara mengenai isu tersebut.

Perhimpunan Agung Umno 2015 yang masuk hari kedua hari ini, diteruskan dengan menyambung semula sesi perbahasan usul ucapan dasar Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak.


///

Kepada para Perwakilan turunkanlah DSN sekarang sebelum UMNO diturunkan oleh rakyat pada PRU-14. Menyesal kemudian tiada gunanya.

Sedarlah yang DSN adalah 'BEBAN/liabiliti' UMNO yang terbesar!

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga ***

84.  [Log in to Reply](#) **man** Dec 11, 2015 3:27 PM

Salam Tun,

Dulu TV3 menjadi pilihan. Saban malam pukul 8 malam mesti tercacak depan tv tengok berita dan cuba mendapat inspirasi dari ucapan atau sidang akhbar Tun. Sekarang berita TV3 dah jadi kenangan, dah tak tengok langsung! Entah berapa ramai yang macam saya tak tahulah. Nasib baik ada internet, dapat berita lagi cepat .

Dulu persidangan UMNO tidak pernah terlepas ditonton secara langsung. Nak tengok bagaimana para pemimpin parti keramat ini memberi ucapan berapi-api di hadapan para perwakilan. Tahun ini, dah tak ada live macammana nak tengokkan. Lagipun tahun ini tak ramai pemimpin atasan yang berucap. Sedih.

Dulu UMNO jadi pilihan di hati. Ia parti terbaik membela nasib bangsa dan menyatukan rakyat berbilang kaum dengan cara pentadbiran 1st class yang dihormati oleh kaum2 lain. Kini...?

Tun, take care dan percayalah ramai yang tidak berganjak dari pendirian bahawa Tun adalah pemimpin Malaysia yang terbaik yang pernah dianugerahkan kepada kami.

Terima kasih Tun.

85.  [Log in to Reply](#) **anak wawasan 2020** Dec 11, 2015 12:57 PM

Salam Ayahanda Tun,

Mohon ruangan untuk catatan khas buat Salleh Keruak (SK):

Wahai SK,

Saya amat berminat untuk bertanyakan suatu soalan peribadi kepada anda dan saya berharap anda tidak keberatan untuk memberikan jawapan nya.

Apakah tahap kewarasan anda semasa membuat kenyataan di bawah?

<http://www.thestar.com.my/news/nation/2015/12/11/salleh-blame-dr-mahathir-if-bn-falls-in-next-polls/>

Adakah pada saat dan ketika itu, anda berada di bawah pengaruh unsur-unsur kurang sihat yang boleh mengakibatkan anda hilang akal sementara (atau kecacatan kekal)?

Saya perlu kan jawapan yang ikhlas dari anda sebab memang tak dapat diterima akal untuk menerima kenyataan sebegini dari seorang tokoh politik yang mempunyai kelebihan latar belakang pelajaran yang tinggi seperti SK dan menteri kabinet Najib yang lain yang tidak kurang hebat nya (CGPA 3.87, DR lagi dll).

Tolonglah cermin diri sendiri. Kalau muka anda bernanah berjerawat, adakah anda akan menyalahkan cermin yang menyebabkan muka anda bernamah?

Fikir-fikirkan lah wahai SK dan menteri kabinet yang lain. Tolong lah jaga maruah anda yang dah tak seberapa di saat-saat genting sekarang ini. Kami ni pon ada maruah. Malu lah baca kenyataan yang keluar dari mulut orang yang oernah masuk sekolah. Orang yang buta huruf pon tak mungkin boleh mengeluarkan kenyataan sebegini.

Tolonglah kasihkan diri sendiri sebelum anda kasihkan Najib yang memang sudah hilang segala-galanya.

Sekian Tun.



86. [Log in to Reply mokhtar](#) Dec 11, 2015 12:27 PM

Salam Tun,

Sedih apabila ahli2 UM(N)O (N for Najib) dan juga penyokong2 mereka menghina, mengutuk pemimpin2 seperti Tun dalam PAU kali ini. UM(N)O telah mengamalkan budaya tidak mengenang jasa.. tidak berterima kasih.. budaya samseng ala kampung... berani dengan bangsa sendiri sahaja.. kalau dengan Cina bukan main baik lagi, sanggup memberi surat sokongan berkelakuan baik walaupun ketua mafia.. sanggup menjadi barua untuk songlap duit Negara.. kebanyakan mereka ini masih lagi kanak2 ataupun belum lahir lagi semasa TUN berjuang bersama UMNO.. tidak salah untuk menyokong pemimpin2 yang korup, penipu, pencuri, pembohong.. untuk mendapat habuan.. sejarah telah buktikan bahawa orang2 melayu sanggup jual Ass.... & anak isteri untuk duit.. duit.. duit..

87.  [Log in to Reply](#) **daeng** Dec 11, 2015 12:10 PM

Assalamualaikum Tun.

Sepanjang 3 hari PAU 2015 berjalan, saya tidak nampak mesej UMNO AKAN DILIHAT SEBUAH PARTI YANG BOLEH DIHARAPKAN.

Saya yang berkecuali dan tidak berparti melihat MASA DEPAN UMNO SELEPAS PAU 2015 SEMAKIN TIDAK DIYAKINI OLEH RAKYAT.

Mengapa ?

1. Majoriti ahli UMNO masih mahu setia kepada seorang ketua yang ternyata korupsi.
2. Majoriti ahli UMNO masih mahu setia kepada seorang ketua yang terus-terusan tidak mengamalkan demokrasi. Malah majoriti UMNO berbangga dengan seorang ketua yang dayus.
3. Majoriti ahli UMNO masih mahu setia kepada seorang ketua yang menjadi punca merudumnya nilai ringgit berbanding negara Asia lainnya. Dulunya wang kita lebih kukuh dari Indonesia, Thailand, Filipina, China, India tetapi kini sebaliknya.
4. Majoriti ahli UMNO masih mahu setia kepada seorang ketua yang bercakap tidak serupa bikin. Jika kita sedari suara Najib " MENDENGAR DENYUT NADI RAKYAT " sudah tiada kedengaran lagi.
5. Majoriti ahli UMNO masih mahu setia kepada seorang ketua yang BOROS BERBELANJA TETAPI HAPRAK DALAM MENJANA KEWANGAN NEGARA.
6. Majoriti ahli UMNO masih mahu setia kepada seorang ketua yang MENYUSAHKAN RAKYAT.
7. Majoriti ahli UMNO masih mahu setia kepada seorang ketua yang MENGGUNAKAN WANG RAKYAT UNTUK KESENANGAN MENTERI DAN PENYOKONG-PENYOKONGNYA.
8. Majoriti ahli UMNO masih mahu setia kepada seorang ketua yang DAYUS.
9. Majoriti ahli UMNO masih mahu setia kepada seorang ketua yang JAUH SIFATNYA DARI PEMIMPIN AGONG RASULLULLAH S.A.W. TERLALU MENYIMPANG DARI SIFAT SIDIK, AMANAH, TABLIGH, FATONAH.
10. Majoriti ahli UMNO masih mahu setia kepada seorang ketua yang DISELUBUNGI 1001 MACAM MASALAH.

Tun, saya berpendapat dan yakin UMNO hampir tiada tempat dihati rakyat.

Saya ada 10 ahli keluarga yang layak mengundi pada PRU14 dan kami istiharkan kami bukan pengundi untuk UMNO/BN lagi.

Sayonara kepada UMNO/BN.

Wassalam.

88.  [Log in to Reply](#) **ahalimr** [Dec 11, 2015 11:34 AM](#)

Sejak Tuan Guru Nik Aziz tak ada Hj Hadi dah tunjok belang sebenar iaitu sama mcm Najibok yg gila pangkat dan duit. Tapi Hadi lebih terok sb guna agama untuk kepentingan peribadi. Drama hubongan sulit mereka dah sampai ke apisod terakhir. Sebelum ni Najib tipu hadi tentang undang hudud hingga pakatan rakyat berpecah. Lepas tu hadi kata Pas tak berniat ke petrajaya (masuk ppilihanraya cuma sebagai pesta kut sebab nak ke dandut haram). Lepas tu cakap Pas tak menyerang tapi menerang dan sanggup jadi penasihat pd putrajaya. Kelmarin siang najibok hulur tangan untuk bersatu malam ramai pemimpin Pas menolak lalu hadi terus larang jgn bagi ulasan. Hari ni hadi kata ini masa untuk kerjasama dan manusia bolih bertaubat. Kah kah kah lawak habis. Hadi tsk payah nak cakap berbelit2 macam serban atas kepala kau la. Cakap je terus terang dan besok jadi penasihat agama pada menteri agama di Jpm. Gaji Rm30000 sebulan. Bulan depan kau sibok ke Paris London bagi kursus kahwin. Hebat tu tunggu apa lagi jangan malu2 sebat je nasib baik kau bolih tumpang sekaki jilat buntot rosmah yg kau geram tu

89.  [Log in to Reply](#) **Tanggung** [Dec 11, 2015 10:32 AM](#)

Salam Yg Bhg Tun,

Salam anti-jibaok,

Benar sekali apa yang dicoretkan itu. Itu lah sebenarnya yang menghantui Tun dan rakyat negara ini. Yaitu negara ini sedang dipimpin oleh seorang yang tiada charisma dan kelayakan sebagai pemimpin rakyat yang berbilang kaum ini.

Sekarang sudah 8 tahun sejak mengambil alih pentadbiran. Didapati tiada professionalism didalam pimpinan mereka. Tiada guidelines atau visions untuk membina kesejahteraan rakyat dimasa kini dan dimasa hadapan. Mereka hilang punca untuk menambah pendapatan negara melainkan cukai rakyat ditambah dari masa kesemasa. Lebuhraya semakin sesak setiap tahun. Tiada perancangan atau vision mereka untuk jaringan lebuhraya bagi 20 atau 30 tahun akan datang kecuali leburaya Pan Borneo yang dicanangkan di TV ketika ini. Itu pun masih lagi diperingkat untuk memanggil tender setelah lebih 3 tahun selepas pilihanraya. Selepas itu mungkin akan senyap selama 2 tahun lagi kerana kekurangan dana kini.

Tiada juga perancangan atau vision mereka bagi bekalan air untuk 20 atau 30 tahun akan datang. Semua ini tidak terdengar didalam berita2 TV dan akhbar. Nelayan2 ditepi laut masih lagi menggunakan the same kind of boats semenjak dari 40 tahun yang lepas dan terpaksa lari ketika ombak besar mengejar.

Tidak salah jika diperkatakan bahawa segala yang dinikmati sekarang ini adalah daripada visions Tun Dr Mahathir 20 dan 30 tahun dahulu. Tetapi kelekaan dan kebodohan masa kini akan menyebabkan kemunduran negara pada masa 20 dan 30 tahun akan datang. Inilah yang amat dicita2kan oleh adviser matsalleh itu.

Akar umbi UMNO Pemuda dan Wanita masih lagi gelak ketawa didalam perhimpunan. Mungkin mereka masih lagi tidak mengetahui kerana professional Melayu banyak yang tidak menjadi ahli UMNO.

Istilah 50-years look-ahead tiada didalam kepala pemikiran mereka termasuk juga pemimpin2 sekarang ini.

Salam Tun



90. [Log in to Reply HouseWifeDec 11,2015 10:02 AM](#)

Assalamualaikum Tun,

DSN sebut kalau terlalu sayang pada seorang takut akan jadi benci, kalau terlalu benci pada seorang takut akan jadi sayang.

Tun pandang dia dengan mata apa..mata sayang ka mata benci? Sian DSN, dia ketageh sangat sayang Tun. Yang pasti Tun hendak menyedarkannya dari penyelewengan kuasanya supaya dirinya selamat dan negara tidak hancur.

Tun, pandai 'advisors' DSN susun ayat2 ucapan seolah2 'menspinkan' isu2 utama iaitu penipuan, pembohongan, penyelewengan, kerahsiaan "mana pi Rm42b@NajibcumChairman1MDB dan 'rahsiaku Rm2.6b masuk akaunku'. Ayat2nya penuh dengan saya saya saya. DSN sedang bermain-main dengan otak fikiran ahli2 Umno, yang apabila pandang saja muka DSN sudah nampak..\$\$\$.

Melalui ayat2 ucapan DSN seolah 'hypnotize' para hadirin terutama ahli2 Umno supaya terbayang dan terlihat dan terfikir dan teringat akan dia seorang yang suci bersih, yang terbaik dan terindah pernah dimiliki oleh parti Umno. Don't you think so Tun.

Tengoklah Tun, betapa 'mermerized' dan terkhayalnya mereka2 di dewan. Terpancur anak panah I



PM' dari hati mereka kepada DSN...atau anak panah 'I



\$\$\$?.

Sudah diduga, ucapan DSN akan dikarang begitu rupa untuk mengelabukan mata hati dan mata pertimbangan ahli2 Umno daripada melihat dan merasai di atas kesengsaraan rakyat di luar Umno ciptaannya dan hulubalang2nya.

Orang seperti ini yang pandai puji, bangga dengan diri sendiri adalah seorang yang 'vain and boastful coward'. Harap tidak sampai dengan tidak boleh dipercayai 100% kalau tidak negara akan lingkup. Semoga negara kita di jauhi daripada sebarang malapetaka.

Sedihkan Tun, kalau mereka2 ini masih tidak nampak tidak sedar akan keikhlasan Tun untuk selamat Umno dari kerakusan seorang yang tamak kuasa dan bukan tujuan Tun untuk roboh Umno. Sudah banyak penjelasan2 Tun diberi kepada mereka tapi masih buta hati dan buta akal dan pekak. Kalau ahli2 Umno tidak faham2 lagi, silalah kunjungi blog Tun dan baca dengan teliti entries Tun yang berjudul '1MDB Clarifies' dan 'Talkimat Najib'. Kalau tidak faham2 juga tak taulah apa nak dikata.

DSN kata Rm2.6bilion dah belanja perabeh...yeke? Kemana pi belanja duit tu? Dapat semua kat Umno ka? Dulu ada sebut untuk benteras IS, puak anti Islam etc etc. Oya..tidak masuk akaun Umno atau

akaun kerajaan so payahlah nak minta DSN bentang penyata 'cash flow' la kan. What to do. Just follow what he says and does and you all live happily ever after.

Tun, tentu Tun kadang2 rasa penat dan letih pasal hal2 ini. Surely it consumes your whole thoughts and energy. But Tun dalam kamus Tun there is..no retreat no surrender!
Ingat dia saja ka boleh pakai ayat2 ini.

Ini hanyalah isi hati dan pandangan daripada cacamata seorang housewife yang tidak ada apa2 'habuan'. Terima kasih 'mendengar' Tun.

Tun, you are here to take care of us. Are we too selfish Tun? Are we asking too much of you Tun? Please do take good care of your health. Follow doctor's order. May Allah Bless you Always. May Allah Protect you Aways. Take care and Thank You Tun.

91.  [Log in to Reply wajaperak](#) [Dec 11,2015 9:58 AM](#)

Assallammualaikum Tun.

Saya mohon ruangan.

[Saudara ir.

dan kalau malaysia ni banyak sangat hutang senang sajalah... jual saja aset yang kita ada... tanah dan sebagainya]

Malaysia sejak namanya Tanah Melayu telah banyak tergadai tanahnya..Contoh paling nyata ialah tanah-tanah melayu di selatan Thailand..Tetapi apa yang paling dahsyat ialah..

JUAL MARUAH!..

[tun, mereka bukan wiseman... mereka sedang mabuk tun.. dan apabila mereka sedar mereka mendapati kemusnahan telah pun berlaku...]

Saudara ir..analogi Damocle Sword adalah benar dari satu sudut sahaja.Dari perpektif Islam,Damocle Sword mesti di pedangkan ke semua arah terutama DIRI SENDIRI!

Dan mabuk apa yang paling dahsyat?

MABUK DUNIA..

Kita sedar,menyesal dan menangis di pintu neraka..

Sudah terliwat..

Eh..eh..maksud saya sudah terlambat..

Semuanya di terangkan dengan jelas di dalam Al Quran..

Tun..

saya mengambil sedikit ruang di sini untuk berkomunikasi dengan Housewife..

Puan.

Puan adalah di antara golongan profesional yang rakyat harap dan hargaai tetapi malang saya dapati kecenderungan keilmuan puan adalah sekular.

Apakata kita hayati cerita ini..mudah-mudahan ianya bermanfaat..

Pada suatu masa seorang pengembala kambing di Timur Tengah mendapati seekor serigala sedang menggonggong seekor kambing peliharaanya.Dia pun menghalau serigala tersebut,serigala tersebut

melepaskan kambing itu dari mulutnya dan bertanya si pengembala itu..

"Mengapa engkau menghalang aku dari bahagian aku ini yang telah pun ditetapkan oleh Allah?..Wah..terperanjatlah pengembala kambing itu.."Alangkah ajaibnya.Seekor serigala dapat berkata-kata!".."Malah ada yang lebih hebat dari ini" kata serigala tersebut.Telah munculnya seorang Rasul di tempat banyaknya pohon kurma (Madinah) di mana pohon dan binatang berkata-kata dengannya"..

Tun..cerita-cerita sebegini bukanlah sembarangan sahaja..tetapi marilah kita ambil pengajaran dari ayat Al Quran ini..

"Dan barang siapa berpaling dari peringatan-Ku, maka sesungguhnya baginya penghidupan yang sempit, dan Kami akan menghimpunkannya pada hari kiamat dalam keadaan buta". Berkatalah ia: "Ya Tuhanku, mengapa Engkau menghimpunkan aku dalam keadaan buta, padahal aku dahulunya adalah seorang yang melihat?" Allah berfirman: "Demikianlah, telah datang kepadamu ayat-ayat Kami, maka kamu melupakannya, dan begitu (pula) pada hari ini kamu pun dilupakan". Dan demikianlah Kami membalas orang yang melampaui batas dan tidak percaya kepada ayat-ayat Tuhannya. Dan sesungguhnya azab di akhirat itu lebih berat dan lebih kekal." (Surah Thaha 20: 124 – 127)

Begitulah Tun..

Apa kena-mengenanya dengan tajuk Taklimat Najib ini?

Saya pun tak tahu kerana

SAYA MEMANG TENGIN DAN BAHALOL..HEHEHE..)

Terima kasih Tun.



92. [Log in to Reply sibotak](#) Dec 11, 2015 8:21 AM

Dalam kita tangani keresahan kita terutama
Apabila kita menyentuh Kepimpinan yg tak terang atau tak betul
Kita sentiasa mesti menjaga Ukhwah Kita Bersama
Perperbelahan akan berlaku secara automatis
Bukan bermakna kita mengizinkan yg tak Betul
Cuma Kita perlu sangat menjaga Ukhwah jangan sampai Perbelahan
Sebab ini yg mereka mahukan malah sang Iblis tersenyum lebar

Ukhwah ini lebih Bernilai dari Kerugian Wang Ringgit

Ketiadaan Ukhwah ini yg menjahanamkan Timur Tengah , Negara Islam
Maka kita perlu bukan saja pelajari tapi perlu kita meriangkan Ukhwah kita bersama
sekarang . Now ! Mereka memerhati dan sedang menunggu Kejatuhan UMNO
Sudah terbau belacan yg dibakar

Haraplah kita bermula dengan diri kita

Mempereratkan lagi siratulrahim bersama

Jika ada diantara kita yg berselisihan maka cuba kita jadi orang ketiga menghuraikanya seikhlasnya

Ini saya rasa yg di Inginkan ISIS ,Perjuang Rebels , Assad , Pelarian dan yg lain Mereka Keliru dan amat keliru dek hasutan luar dengan keadaan mereja sekarang

Mereka perlukan Negara Islam sebagai orang Ketiga*
Bukan Negara Barat ,US atau UN

Malah mungkin mereka mengharapkan dan mengalu alukan orang ketiga untuk menghuraikan sengkete mereka sesama yg penuh dengan kekeliruan

Mereka tidak mengaharapkan UN , US ,Barat sebab mereka ini Tidak Ada Niat Mendamaikan Timur Tengah malah Barat , US adalah punca segala yg berlaku disana Dengan Ketiadaan Ukhwah sesama saudara , sesama masyarakat , sesama Jiran Islam Inilah akibat nya

**Ukhwah Ummah adalah Kunci Umat Islam sekarang **
Bukan Cash is KingKing yr Head

Cash is the Mother of All Evil.....Najib
Cash is Cheif segala Setan.....Rosmah

93.  [Log in to Reply](#) **daeng** [Dec 11,2015 6:51 AM](#)

Assalamualaikum Tun.

Kenyataan saya tentang Ketua Pemuda UMNO, KJ sebelum ini tentang suaranya dalam PAU ada sedikit pujian saya tarik balik.

Lagak KJ ini seperti "buaya menarik bangkai" yang mana bangkai yang dijadikan makanan adalah serupa sifatnya dan tiada membawa sebarang makna.

Tun, UMNO akan hancur dan semakin menjadi bahan lawak dimata rakyat negara ini. Saya yakin selagi Najib sebagai presidennya selagi itulah sedikit demi sedikit pengaruhnya terhakis seterusnya berkubur dalam arus politik.

PRU14 seakan bukan untuk BN atau UMNO lagi Tun. Percayalah...

Saya dapat rasakan rungutan rakyat terhadap kerajaan dibawah Najib sekarang ini.

Wassalam.

94.  [Log in to Reply](#) **anti-jibaok** [Dec 11,2015 12:43 AM](#)

YABhg. Tun Dr.,

Dalam ucapan peresmian Presiden UMNO oleh Dato' Seri Najib semasa Perhimpunan Agong UMNO 2015, antara perkara-perkara yang cuba ditonjolkan oleh pihak media-massa perdana (tertutamanya oleh TV3) adalah menyentuh tentang soal bahawa:-

- 1) Beliau mengancam bahawa ada pihak-pihak tertentu dalam UMNO yang cuba merobek, membocor dan tenggelamkan kapal demi kepentingan mereka.
- 2) Beliau bukanlah jenis pemimpin yang bersifat 'confrontational',
- 3) Beliau pernah menyokong Presiden UMNO (Dr. Mahathir – Team A) semasa kemelut UMNO pada tahun 80'an dalam soal pergelutan antara 'Team A' dan 'Team B'.

Apabila Dato' Seri Najib berkata bahawa terdapat pihak-pihak tertentu mengkhianati UMNO yang sedang merobek, membocor dan bakal tenggelamkan kapal demi kepentingan mereka.., maka amat jelas sekali bahawa Dato' Seri Najib telah berbohong dalam isu ini. Malahan, beliau ibarat membaling batu, sembunyi tangan dan menuding jari pula kepada orang lain. Sebenarnya, yang telah merobek, membocor dan bakal tenggelamkan kapal demi kepentingan beliau adalah Dato' Seri Najib sendiri. Perkara itu jelas telah disindir terhadap Dato' Seri Najib oleh bekas Ketua, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) iaitu Dato' Seri Zakaria Jaafar.., sebagaimana terpapar pada video pautan ini:-

<http://www.youtube.com/watch?v=8Hym5wlQEOW>

(Ucapan Ketua SPRM yang membuatkan Najib marah dan tak senang duduk)

Nescaya, Dato' Seri Najib telah berbohong dan cuba mengalihkan perhatian kepada orang lain terhadap pengkhianatan yang beliau sendiri melakukan.

Apabila Dato' Seri Najib berkata bahawa beliau bukanlah jenis pemimpin yang 'confrontational', maka ini jelas sekali membuktikan bahawa beliau telah meludah ke langit, lantas air liur itu akan jatuh kembali dan terpalit ke muka beliau sendiri.

Bukankah beliau pernah berkata bahawa beliau adalah berdarah 'Pahlawan Bugis' dan tidak gentar mendepani mana-mana cabaran dan pertembungan. Nescaya, bukankah seorang pahlawan itu bersedia untuk 'confrontational' dan berani berdepan dengan sebarang cabaran dan pertembungan..? Namun begitu.., Dato' Seri Najib bukanlah jenis pahlawan akan tetapi adalah jenis pengecut.., sebagaimana beliau telah paparkan apabila beliau telah mengelak lantas lari dari menghadiri majlis penerangan 'Nothing To Hide' untuk berdepan atau confront dengan segala isu-isu cabaran pada ketika itu.

Tidakkah Dato' Seri Najib sedar bahawa segala para-para pemimpin yang ternama dan tersohor dalam lipatan sejarah di dunia ini adalah jenis pemimpin yang bersedia untuk 'confrontational' dan berani serta bersedia untuk 'confront', 'meet-head-on', 'face-off' atau berdepan dengan mana-mana cabaran atau musuh yang mengganggu-gugat.

Bukankah ramai dikalangan para-para pemimpin politik ternama yang dilihat seolah mereka itu yang jenis agak 'pacifist' seperti Mahatma Ghandi atau Nelson Mandela misalnya.., namun mereka adalah nyata juga jenis pemimpin yang tidak gentar untuk 'confrontational' dengan kuasa-kuasa yang menzalimi dan menindas, apabila keadaan memerlukan supaya bersikap supaya 'confrontational', berdepan atau 'face-off' dengan sebarang kezaliman, cabaran atau musuh yang mengganggu-gugat. Begitulah sifat pahlawan yang sejati.

Namun.., apabila Dato Seri Najib itu sendiri memang jelas ada suatu 'penyakit TB' (iaitu Takut Bini).., maka masakan beliau sanggup mendabik dada dan berkata bahawa beliau adalah seorang 'Pahlawan Bugis' yang bersedia untuk 'confrontational' atau berani berdepan dengan sebarang cabaran dan

pertembungan. Jauh panggang dari api. Dato' Seri Najib bukanlah seorang pemimpin yang berani berdepan dengan keadaan yang sangat mencabar.., malah beliau sebenarnya adalah penegcut yang lebih suka mengelak-elak keadaan dan lebih suka mencari 'jalan selamat' buat diri beliau. Maka.., itu bukannya ciri-ciri pemimpin yang sejati.

Kalaulah begitu hendaknya.., maka lebih baik buat Dato' Seri Najib supaya beliau mencari suatu kerjaya yang lain.., oleh sebab untuk menjadi pemimpin politik maka seseorang itu harus berani dan tidak gentar berumah ditepi pantai dan bersedia dipukul ombak. Maka, lebih baik buat Dato' Seri Najib supaya bersara sahaja dari kerjaya politik dan mencuba pula kerjaya yang lain seperti menjadi seorang Duta atau Ahli Diplomat pula.., oleh sebab apabila menjadi seorang duta atau ahli diplomatik, maka kerjaya sedemikian tidak menggalakan sikap 'confrontational' akan tetapi lebih menekankan kepada cara 'berdiplomasi' dalam urusan dan tindak-tanduk mereka.

Pada ucapan Peresmian Presiden.., Dato' Seri Najib juga membangkitkan isu bahawa beliau pernah menyokong Presiden UMNO (Dr. Mahathir – Team A) semasa kemelut UMNO pada tahun 80'an dulu, dalam soal pergelutan antara 'Team A' dan 'Team B'.., dimana pada ucapan peresmian tersebut beliau telah mengungkit-ungkit bahawa jika beliau tidak memberi sokongan beliau kepada Dr. Mahathir (Team A) pada ketika itu, maka pastinya Dr. Mahathir tidak akan kekal sebagai Presiden UMNO nescaya tidak akan pula terus menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Sekali lagi.., secara tidak sedar bahawa Dato' Seri Najib telah mengaibkan diri beliau sendiri. Semua orang tahu bahawa pada ketika itu pada asalnya Dato' Seri Najib (serta puak beliau) telah memihak kepada 'Team B' dalam UMNO. Namun pada saat akhir, Dato' Seri Najib telah berpaling tadah dan memihak pula kepada 'Team A'. Maka.., itulah caranya seorang pemimpin yang berprinsip dan berpegang teguh kepada kesetiaan.., namun ianya lebih suka memilih untuk berlompat-lompat dalam soal pegangan, kesetiaan atau setiakawan..? Itu bukanlah caranya bagi seorang pemimpin yang konsisten atau istiqamah yang wajar kita contohi.

Malahan.., walaupun orang seperti saya ini yang amat tidak gemar sekali dengan mainan dan lakonan politik Dato' Seri Anwar Ibrahim selama ini.., namun demikian dalam soal ini, iaitu berbanding dengan cara politik Dato' Seri Najib, maka cara atau Dato' Seri Anwar itu adalah lebih terpuji.

Walaupun Dato' Seri Anwar Ibrahim pernah disingkir sebagai Timbalan Perdana Menteri serta diterajang keluar dari UMNO oleh kepimpinan Dr. Mahathir.., namun demikian apabila beliau berdepan, berkonfrantasi dan melawan dengan kepimpinan dan kerajaan Dr. Mahathir, malah tidak pernah walaupun sekali kita terdengar Dato' Seri Anwar Ibrahim (dalam kempen-kempen politik dan roadshow beliau semasa zaman Reformasi mahupun semasa zaman Pakatan Rakyat) telah beliau mengungkit-ungkit bahawa sekiranya beliau tidak menyokong kepimpinan Dr. Mahathir semasa kemelut UMNO pada tahun 80'an dulu, dalam soal pergelutan antara 'Team A' dan 'Team B'.., maka kerjaya politik Dr. Mahathir akan terkubur. Didalam berbanyak ucapan retorik beliau selama ini, namun tidak pernah kita terdengar Dato' Seri Anwar Ibrahim pernah mengungkit-ungkit bahawa disebabkan diantara kekuatan politik beliaulah nescaya Dr. Mahathir telah kekal sebagai Presiden UMNO dan terus menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Maka.., amatlah 'Low-class politic' bagi Dato' Seri Najib (yang kini sebagai Presiden UMNO dan dimercu kuasa politik negara pula) yang sanggup mengungkit-ungkit soal lampau demi hendak

mencerminkan kononnya bahawa beliau adalah pemimpin yang konsisten dalam pegangan politik dan telah setia kepada pucuk pimpinan parti UMNO yang sedia ada pada ketika itu.

Namun begitu.., Dato' Seri Najib janganlah ingat dan sangkakan bahawa semua rakyat Malaysia adalah pendek-akal sebagaimana kebanyakan orang-orang UMNO pada ketika ini. Jika kita kaji secara mendalam iaitu dalam soal kemelut UMNO pada tahun 80'an itu dulu.., jelas sekali bahawa Dato' Seri Najib telah 'bermain politik' dan mengambil 'jalan selamat' (dan pengecut) buat kepentingan diri beliau. Pada ketika itu dan mengikut perkiraan politik Dato' Seri Najib, sekiranya beliau berpihak dengan 'Team B' maka tentu sekali puak Tengku Razaleigh Hamzah akan menang lantas akan memimpin Negara.., namun beliau sendiri pasti juga akan mendapat kedudukan dalam Kerajaan. Namun.., sekiranya beliau berpihak pula dengan 'Team A' nescaya puak Dr. Mahathir pula yang akan kekal kuasa dalam UMNO dan terus menerajui Negara.., namun begitu beliau juga akan mendapat tempat dalam Kerajaan. Pendek kata.., Dato' Seri Najib adalah jenis 'political animal' yang suka 'main jalan selamat' walaupun pihak lain yang 'kena main' dan lingkup.., asalkan kerjaya politik beliau sendiri akan terselamat.

Pada hemat saya.., 'political animal' sedemikian sebenarnya adalah jenis pemimpin yang tidak ada sifat berani yang sejati namun bernafsu kuat pula untuk menjadi pemimpin besar. Lazimnya pemimpin sedemikian yang suka 'main selamat' demi kepentingan diri-sendiri, akhirnya tidak akan kekal selamat lantas kerjaya politik beliau kesudahannya akan lingkup dan terkubur.

Oleh yang demikian.., sedarkah kebanyakan orang-orang UMNO masakini bahawa apakah jenis presiden parti dan pucuk pemimpin negara yang mereka sedang sokong dan dokong tanpa soal dan membabi-buta...? Kalaulah mereka memilih untuk menyokong dan mendukung pemimpin yang suka 'main selamat', demi kepentingan untuk melepaskan dan selamatkan diri beliau dari pelbagai tuduhan yang amat serius lagi nyata.., maka berwaspadalah dan tunggulah masanya keadaan negara kita jatuh merudum dan tidak terselamat dari pelbagai ancaman dari unsur dalaman dan luar negara.

Nauzubillah minzaliq.

Namun.., kita masih ada lagi sedikit masa sebelum terlambat untuk memperbetulkan keadaan. Bersama-samalah kita fikirkanlah sebaik mungkin tentang soal ini.., demi masa hadapan dan kebaikan negara kita serta buat generasi akan datang.

Sekian... Wassalam.

95.  [Log in to Reply](#) **RD**.Dec 10,2015 11:52 PM

Saya sangat sokong apa yang Tun sedang lakukan, iaitu mahu Najib letak jawatan, serta-merta. menjatuhkan Najib tidak boleh ditafsirkan sebagai menjatuhkan kerajaan kerana jika Najib turun, orang lain dari UMNO sudah tentu boleh menggantikan beliau dan BN masih jadi Kerajaan.

Maafkan saya Tun.

Lari tajuk.

Today, I still met young people who says Anwar Ibrahim was innocent and they accused the government as evil. I guess those who were too young in 1997, might not know the truth. Therefore, I would like to do the job that people like Azmi Arshad and those who support Najib, should do. Tell the truth about Anwar Ibrahim. You cannot be sued for telling the truth, anyway.

Daim was Finance Minister, 1985~1991.

Anwar Ibrahim was Finance Minister, 1991~1998.

The bugger was Dr.M blue-eyed boy. Due to his pious credentials, Dr.M somewhat, brought him into UMNO 1983, from ABIM, to neutralised PAS religious influence amongst the Malays. It was Dr.M biggest success then. PAS became very weak. Infact, UMNO once captured Kelantan.

Dr.M affectionately groomed Anwar to succeed him. Unfortunately, Anwar was alleged to be an adulterer and a 'kaki-main pungkoq' guy. This was exposed by Azmin Ali's (current MB of Selangor) sister, Umami Hafilda Ali in a letter to Dr.M, 1997. Dr. M dismissed it outright as slander. The letter then reached Karpal Singh and Mat Sabu.

Both of them, then declared in Parliament, 1997: "Kita mempunyai seorang peliwat sebagai TPM". Just imagine the shock to Malaysian then.

In-fact, the nickname 'Al-Juburi' was coined by Mat Sabu himself, because Anwar portrayed a pious image.

I guess that was why Anwar became very impatient and tried to topple his boss. His deplorable sexual desire was about to hit the fan. (Please bare in mind that ISA was not yet abolished then) That was when Zahid Hamidi, as Anwar's man, accused Dr.M of cronyism. The next day, Dr.M came out with a list, who got what from the government. (Contracts & APs). Most of them was Anwar's cronies, of-course.

After being dismissed from UMNO, the bugger was charge in court, 1998, for abused-of-power as DPM and sodomy I. This event seems to strengthen support for PAS and PKR was borne to safe the liwat-guy.

For abused-of-power, (wrongfully instructed the Police to arrest Umami Hafilda, frightened her to retract that letter and apologised) he was sentenced to 9 years behind bars.

For sodomy I, he was acquitted for technical reason, though the panel of judges did acknowledged that sodomy act did occurred.

Moral of the story:-

Those who supported Pakatan Harapan (Hope?)and Mat Sabu's PAN, please ask Mat Sabu why he accused Anwar a peliwat in Parliament, 1997. Also ask him why he nicknamed Anwar as Al-Juburi since 1997, yet he haven't apologised to Anwar. That's the real truth. That Al-Juburi thing was not from UMNO's people. If there is 'amanah' or trust in Mat Sabu, he would not tell lies.

96.  [Log in to Reply](#) **cruze** [Dec 10,2015 11:15 PM](#)

Saya sedar saya tidak begitu layak untuk membantah akan tetapi bukan kita semua mahu menghancurkan ukhwah sesama ahli seperti yang sibotak nyatakan.

Jika begitu yang di maksudkan bermaksud TSM dan Tun adalah punca perpecahan dalam parti!
Adakah ini maksud encik!

Dalam menyelesaikan masaalah saya amat fokus kepada punca, bukan mencari kesalahan orang itu.

Jika kita tidak mencari siapa yang puncanya ini boleh menyebabkan kita di kira tidak adil.

Segala masaalah 1mdb dan duit 2.6 bilion bukan TSM dan TUN yang memulakan tetapi najib merahsiakan.

Jika di fikir dan di baca berkali kali kenyataan anda maka naik lemak najib dan kuncunya.

Dalam menyelesaikan masaalah di atas TSM dan TUN amat terbuka dan bukannya menciptakan kesalahan najib.

Najib yang melakarkan dan cuba merahsiakan tetapi gagal.

Jika encik si botak ada dua anak yang bergaduh kerana seorang mahu menjual dan seorang lagi tidak izinkan, dan anda cuba menyelesaikannya secara saksama, saya yakin akan terasa berat untuk menerima keputusan yang cuba anda buat secara saksama, bagi anak yang tak bersalah kerana cuba menghalang dari di jual tanah pusaka ayahnya.

Bagaimanakah cara anda mahu selesaikan masaalah itu agar kedua duanya terima keputusan dengan sebenar2 ikhlas?

Contoh lain, jika si adik dapat tahu si abang ada menerima wang dari seseorang secara rahsia dan telah di ketahui melalui orang lain maka si adik yang tinggi imannya menyuruh abangnya membuat pengakuan tetapi abangnya banyak pusing2.

Sebagai bapa! Bagaimana anda mahu selesaikan secara saksama!

Sekian....mohon maaf bukan nak berlawanan, hanya memberikan pandangan.

97.  [Log in to Reply anak wawasan 2020Dec 10,2015 10:18 PM](#)

Salam Ayahanda Tun,

<https://m.malaysiakini.com/news/322955>

Dah letih gelak ketawa dengan lawak jenaka menteri kabinet Najib, jom kita nyanyi lagu purba.

Tun, ni dia lagu yang diubahsuai dari "Oh Bangau, Oh Bangau":

Oh Najib, oh Najib, macam mana 2.6b masuk akaun peribadi?

(Najib) Macam mana masuk akaun aku? Hang pi tanya Zahid Hamidi...

Oh Zahid, oh Zahid, 2.6b sapa bagi?

(Zahid) Penderma-penderma, tak caya tanya MACC..

Oh MACC, oh MACC..apa jadi sekarang ini?

Itu derma bukan duit 1MDB (jawapan MACC)

Oh Najib, oh Zahid, apa jawapan sebenarnya ni?

(Najib duet Zahid) Tak percaya lagi? Tanyalah Husni si Bendahari..

Oh Husni, Oh Husni.baik hang bentang dalam PAU kali ini..

(Husni, aka star in the makin) Macam mana aku nak bentang, nanti Tun tanya itu dan ini..

Wasalam Tun.



98. [Log in to Reply ir.miringila](#) Dec 10, 2015 9:44 PM

salam tun,

izinkan saya.

najib kata pelan rasionalisasi 1mdb berjaya kurangkan hutang 1mdb sebanyak 17 Billion. tahniah najib.. saya mungkin tak pandai berniaga sebab kecil sahaja perniagaan saya.. tetapi kalau saya membayar hutang dengan menjual aset saya apa maknanya? teringat kisah idris jala menjual aset mas dalam plan dia menyelamatkan mas... maka kos operasi mas menurun dan ianya amat dibanggakan! dan kini mas sudah bangkut.. dan digantikan dengan mas yang baru...

dan kalau malaysia ni banyak sangat hutang senang sajalah... jual saja aset yang kita ada... tanah dan sebagainya....

saya tidak tahu apa niat sebenar pemimpin dalam segala urusan mereka dalam menjalankan tanggungjawab sebagaimana mereka bersumpah dengan nama tuhan.

namun apa yang saya tahu, tindakan kerajaan masuk campur dalam ekonomi hanya mengkayakan sesiapa yang hampir dengan mereka dan memiskin sesiapa yang jauh dari mereka...

dan adakah kerajaan ingin mengatakan mereka adil?

adakah perkataan kerajaan itu berasal dari gabungan perkataan kera dan jaan? seperti kera mendapat bunga adalah jolokan yang paling sesuai kepada kerajaan pimpinan umno kini...

tun, mereka bukan wiseman... mereka sedang mabuk tun.. dan apabila mereka sedar mereka mendapati kemusnahan telah pun berlaku...

sekian tun..

lorong wan mohamad saman,
lorong kilang ais;
tun dikenang rumah kelahiran,
yang beruntung kilang ais....

99.  [Log in to Reply](#) **ahalimr** [Dec 10, 2015 9:13 PM](#)

Entah apa tiori yg sibotak pakai meraban tak tentu arah. Memang la nasi dah jadi bubor tapi semua orang nak biar najib dgn rosmah yg makan bubor kat kajang atau sg buloh. Sekarang ni rakyat makan bubor dgn tulang najab sekeluarga pula makan nasi briani dgn kurma daging hari. Ini ka yg kau mahu. Duit 2.6 billion masuk poket najib dan hutang 42 billion kau kat kacang. Kau kaya sangat ke atau pun kau ni salah seorang pecacai najib yg dah meyelinap masuk ke blog ni dengan tujuan untuk melembutkan hati pengikut2 blog ni secara halus

100.  [Log in to Reply](#) **sibotak** [Dec 10, 2015 6:06 PM](#)

2.6 Billion sudah menjadi Platform bagi Pembangkang
Satu alasan satu sandaran bagi mereka mengelirukan Rakyat demi Kepentingan mereka
Sudah Pasti Mereka DAP ,Hamidi sikit lebih kurang 2 x 5 pun sama Samdol
Yg bahaya adalah Isu in sudah memercah belahkan kita sesama
Lain cerita takda asik asik 1MDB
Nak buat apa Nasi dah Jadi Bubur
Namun ini tidak bermakna Tun Najib bolih Tersenyum Lebar

Mungkin juga dengan keadaan di TimurTengah yg Bergelora dengan Kekecohan
Yg tidak terbayang Azabnya

Munging juga seorang ,satu badan Swasta atau juga Badan Kerajaan mereka
Dalam Keresahan mereka ,mereka rasa ada lebih baik sedekahkan pada Najib
Untuk Malaysia ,daripada Kekayaan mereka di Rompak oleh Penjajahan US dan Barat
Kita pun sedia maklum ,satu Dunia pun tahu apa yg sedang berlaku disana

Sept 11 , Arab Spring , ISIS dan kesemuanya di reka oleh Israel
Di usahakan oleh Amerika ,di pasarkan oleh Politik Barat
BerMediakan Media Barat supaya Tujuan Kejahatan mereka sebenar ditutup
Dengan memfitnahkan Dunia perihal Assad ,Isis dan sebagainya

Yg sedih satu Dunia tahu kebenaran tersebut sayang semua tutup mata ,tutup telinga, tutup pendengaran demi kepentingan dan takut akan akibatnya termasuk Malaysia

Adakah US Negara Demokrsai sedangkan Politik mereka tunduk pada asuhan Yahudi ?
Adakah US Negara contoh Demokrasi yg mereka banggakan hingga Demokrasi mereke perlu membunuh anak anak ?

Adakah perlu dengan Keruntuhan 2 Twin International Building Amerika Sept 11

Perlu mereka memporak perandakan Negara Islam Timur Tengah

Bermula dengan Afgan , Iraq ,Libya ,Syria dan yg lain

BUKAN 2 Bangunan mereka Hapuskan ,Bukan 2 Bandar mereka Hapuskan Bukan 2 Negara mereka Hapuskan malah seluruhan Timur Tengah mereka ingin Hapuskan dan Membusukkan Agama Suci Islam bagi menutupi Pekung mereke

Adakah WAJAR Perbuatan mereka ? Perbuatan mereka menjawab segalanya

Apa pula alasan mereka terhadap Iran esok hari setelah Syria mereka Berkuasa
Tidak kah kita lihat akan tujuan sebenar ?

War is Business

US LED Lies , Led War for their Benefits for Israel is Business

Nothing to do with Islam nor any Religion

No religion on face of this Earth teaches Bad

Its Politicians teaches Bad for their Agendas

They need to Defame Islam to excuse their Evil intentions

Why should they interfere with one affairs if its none of their fxxking Business

North Korea repeatedly Challenge US as US name North Korea as Non Democratic Nation

US accuse Kim Govt abuse its People and US knows North Korea has Weapon of Mass Destruction

Why don,t US attack North Korea then if they want to be Hero

Their Balls Shrinks as this Nation , North Korea , Russia , China

Is no Tom Dick and Harry

Saya sentuh fasal ini sebab inilah punca segalanya

Kerana 1MDB , Kita bersengketa sesama , Pembangkang mencurah minyak untuk membara

Mereka Melihat dan Membaca

Ini perlu kita jaga .Maka perlu kita bersama suka tak suka

Kurangkan Ego , Tinggikan Niat yg Ikhlas

Niat Baik harus di percepatkan

Walau saya juga marah sebagai Rakyat isu 1MDB , isu Najib 2.6 billion

Namau saya tidak bolih buruk sangka dan membarakan keinginan musuh Malaysia sebenar

Apa nilai 2.6 billion dibandingkan nilai Ukhwah Ummah kita Bersama

Ini yg saya Nilai kan

Najib pun tidak bolih akan bawa mati 2.6 billion yg beliau perolihi

Malah akan azab beliau nanti . Beliau tahu sendiri

Lain Kerajaan Kafir seperti si Dia tu

Walau mereka tidak bolih bawa kekayaan mereka bersama kematian mereka

Mereka akan gunakan kertas Oligami kereta bersama drebar , rumah kertas

wang kertas ,Handphone pun kertas dan sebagainya

Ini Perbezaan kita

Hargailah Ukhwah Ummah lebih dari wang ringgit

Perpaduan Ummah yg Bakal menyelamatkan kita kelak

Bukan Wang ringgit BUKAN Cash is King



101.

[Log in to Reply milshah](#) Dec 10,2015 4:42 PM

Assalamualaikum Tun,

TSMY telah berkata UMNO perlukan pembedahan untuk membuang segera barah-barah dalam UMNO. Hasil dari sokongan perwakilan terhadap Najib, saya dapat rasakan barah 'cash is king' telah merebak ke seluruh UMNO. Saya harap benar saya silap, tapi nampaknya kita terlambat selamatkan

UMNO. Saya tidak mau 'jump the gun' tetapi kalau benarlah UMNO gagal diselamatkan dari barah 'cash is king', maka orang Melayu amat memerlukan kepimpinan Tun dan lain-lain pemimpin yang masih sayangkan agama, bangsa dan negara. Please don't abandon us.

102.



[Log in to Reply amd trmz](#) Dec 10, 2015 4:35 PM

tak abis abis cakap SALURAN YANG BETUL, SALURAN YANG BETUL!.BETUL APA?. Tak bagi timb presiden berucap kat PHMPUNAN AGUNG UMNO, TAK BAGI BUAT PENGGULUNGAN, TAK BAGI BUAT PERASMIAN SAYAP. Tu semua saluran yang betul kenapa tak bagi. Harap rakyat jgn bod*h utk menilai.Umno bukan utk nejob seorang.PANAS DENGAN UTUSAN DAN SEANGKATAN DENGANNYA. SEMOGA TABAH TAN SRI MUHYIDDIN YASSIN.Andai anda gugur (kena pecat ka) anda dikenang sebagai wira. Sejarah mencatatkan anda sebagai pembela bangsa dan anak cucu anda pasti berbangga dengan perjuangan anda dimasa anda telah tiada kelak. Semoga tuhan selamatkan malaysia

103.



[Log in to Reply Hajar](#) Dec 10, 2015 4:19 PM

Salam YAB dan Yang DiKasihi Tun,

1. Ketua Pemuda UMNO berikrar kesemua ahli2 Pemuda UMNO berdiri teguh di belakang Presiden UMNO...and today he said, 'UMNO President DSN deserves recognition for UMNO's achievements under his leadership'. Achievements? Merosakkan dan menghancurkan adalah! Kuat kipas!
2. Setakat pandai bercakap berdentum-dentam, tapi 'hampeh'. Mutu sukan negara merosot teruk di bawah KP UMNO sekarang, dan ini sudah boleh dijadikan ukuran samada beliau seorang pemimpin yang baik atau sebaliknya.
3. Di bawah En. Khairy, Pemuda UMNO bukan lagi suara 'pendesak' yang 'lantang' membawa suara rakyat sepertimana yang telah diamanahkan kepada mereka sejak sekian lama. KP UMNO sekarang setakat sekali-sekala saja bersuara – asyik tenggelam timbul. Dan, setiap kali DSN bagi 'taklimat', cepat2 berpuas hati (siap puji lagi) dengan penjelasan DSN.
4. En. Khairy hanya pandai 'play safe' saja dikebanyakan masa. Kelihatan seperti PM Najib @ Ah Jib Gor sebelum jadi PM. Dan En. Khairy juga ada gaya ala Anwar Ibrahim. Ketiga-tiga pemimpin ini agak serupa walaupun tidak sama...banyak main wayang & semua ada isu berkaitan 'politik wang @ rasuah'.

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga **

104.



[Log in to Reply upinipin](#) Dec 10, 2015 3:21 PM

Bila seseorang itu melakukan kesalahan, pilihan yang tertinggal samaada mengaku kesalahan, mendiamkan diri atau menafikan kesalahan atau gabungan kesemua pilihan yang ada.

Nampaknya memilih untuk mendiamkan diri dan menafikan kesalahan ialah pilihan yang pintar (smart) tapi tidak bijak (wise).

Ianya hanya bijak (wise) selepas kemenangan yang tersangat besar dicapai selepas melalui kesemuanya batasan yang dihadapi dan akhirnya mengakui kesalahan diri-sendiri. Itu yang diharapkan.

kemungkinannya ada kesukaran untuk penjelasan adalah sangat rendah tapi bukannya tak mungkin. Contohnya, keselamatan terancam atau boleh mengakibatkan kemusnahan yang teramat besar daripada 1mdb sendiri.

Tapinya, yang pasti ialah bila tekanan semakin kuat, pantulan semakin kuat dan kadang-kadang berganda. Keadaan ini seperti tumbler atau roly-poly.

Keadaan ini serupa juga dengan sebiji bola yang penuh dengan angin dan ditekan ke dalam air tong panjang yang mendalam. Semakin kuat kita tekan, semakin kuat pantulannya.

Akibatnya mungkin dua hala. Tapi ini ialah revolusi yang diperlukan untuk menguatkan pentadbiran Negara.

105.



[Log in to Reply](#) **superman1** Dec 10, 2015 2:40 PM

Salam,

Tak pernah dalam sejarah, malaysia diketuai oleh orang-orang bodoh dan sibuk menipu. Baik si Najib atau pengampu. Ada ke bagi alasan orang derma tapi tak boleh bagitahu siapa. Yang boleh bagitahu cuma ialah masuk akaun peribadi. Sebab Najib dengan perjuangan islamnya?. Apa yang Najib perjuangkan dalam islam sampai orang derma dia berbillion-billion. Kalau Nik Aziz yang dapat tu mungkin masuk akal jugak la.

Dah sah-sah duit masuk akaun Najib. Dulu kata tak. Ahmad Maslan yang dungu tu dulu kata "tak kan Najib terlalu bodoh untuk masukkan duit dalam akaun sendiri". Sekarang apa cerita? Zahid pulak kata jangan tanya pasal duit tu. Hai duit tu duit siapa? Duit Najib ke duit UMNO? Ni yang mana satu ni? Kalau Najib mampus, dan duit tu masih dalam akaun dia... agak-agaknya dapat kat siapa? Bukan ke dapat ke Rosmah rambut tayar skuter? Oleh sebab tak tersebut pun dalam kunci kira-kira UMNO, ada ke orang boleh tuntutan yang duit dalam akaun Najib tu UMNO punya? Benda senang macam ni Zahid dengan sidungu lain tak boleh pikir.

106.



[Log in to Reply](#) **amir yusof** Dec 10, 2015 2:08 PM

Mungkin ada yg dah komen angaplah kita "senada dan seirama".

"Derma" 2.6 billion .

Preseden UMNO DS Najib takda "mulut" ke , di ibarakan dia berak ada pula yg "sukarela" tolong cebokan .

Ucapan berdegar-degar .

DS hishamudin 101% betul , bukan apa takut nanti dapat gelaran khas ,ie Amir meriam buluh atau tin kosong .

Kepada delegasi UMNO yg teristimewa .

Selamat "berbulan madu".

\

107.



[Log in to Reply](#) **cruze** [Dec 10,2015 1:17 PM](#)

Jangan nak merapulah najib, ulamak dan cendiakiawan mana kau jumpa untuk pencerahan bagi menyuruh ahli2 yang tidak sehaluan dengan azalina, salleh kruak, hishamuddin keris, rahman dahlan berangan, rosnah gemuk, nancy shukery, mas ermiyati boroi, ahmad maslan tukang masak, adnan ninja turtle, shahrizat poyo, sahidan kasim dan shahril uban itu meletakkan jawatan.

Kecuali khairy jamaluddin dan dato noraini

Ini semua poyo najib...lakukan sayu hati

Kau ingat umno kau, tun razak dan rosmah punya parti?

108.



[Log in to Reply](#) **ismadi** [Dec 10,2015 11:57 AM](#)

As Salam Tun Mahathir,

Demikian lah sejarah Malaysia terukir lagi.

Penyamun, Pencuri dan Penipu sedang memegang tampuk pemerintahan.

Mencuri wang tetapi tidak mengaku. Mungkin ada juga perasaan ingin mengaku salah tetapi takut ke penjara.

Rasa rasanya Tun kena bagi advice kat anak Tun Razak ni. Bagi jalan keluar secara selamat. Mungkin diberi pengampunan di Raja dengan syarat baki RM2.6 billion tu kena pulangkan semula kat Kerajaan.

Najib ni pandai berlagak aja. Kena tumbuk sekali baru dia tau langit tinggi rendah.

Ramai ahli UMNO dan kakitangan kerajaan akan terus teraniaya sekiranya Najib masih terus memegang kuasa.

Oh yer.. paling lawak sekali ialah apabila Najib memberikan penjelasan mengenai Arab yang memberikan derma itu. Menurut Najib, Arab ni berada di 'dunia' yang berbeza dengan orang kebanyakan.

Yang best tu, isteri dia tahu pasal derma tu sebab Najib dalam penjelasan itu kalau tak salah saya ada sebut bahawa isterinya ada bersama. Kena tanya Rosmah Mansor ler pulak pasal Arab ini.

Apa apa pun, cerita derma fantasi Najib ni layak dibukukan dan dibacakan kepada pelajar tadika KEMAS. Puad Zarkhasi kena suruh JASA tambah satu buku lagi la.... heheheh.

Maafkan saya.

Sekian. Wassalam.

109.



[Log in to Reply Sri Sense](#) Dec 10, 2015 11:44 AM

Salam Tun

Nak shares sikit. My kakak sulong dah pencen kerja korporat. Dia suka baca akhbar Utusan. Sejak pencen tinggal di Sg Petani. I agak dia pro Najib. Tapi dia kata sebab baca paper Utusan setiap hari nak tengok Najib masih ada lagi ke tak.

So my pendapat tak kira apa akhbar, samada printed atau online, pro govt atau tak, pembaca dari kecil sampai besar, tau tabiat dan kisah2 Najib, masing2 tertanya2 berapa lama dia akan bertahan disitu.

Kalau you tanya I, I nampak alot of unhappiness around, tapi hanya orang UMNO yang duduk kat atas tu aje yang Najib, Najib, Najib – you are my everything, my sun, my moon, my stars.

110.



[Log in to Reply Tanggag](#) Dec 10, 2015 11:18 AM

Salam Yg Bhg Tun,

Berita TV melaporkan semalam bahawa Majlis Tertinggi UMNO bersidang semalam. Mereka bersidang semata2 untuk membincangkan samada TSMY boleh memberikan ucapan atau tidak. Ini sesuatu yang dengkel. Sepatutnya mereka bersidang untuk mencari penyelesaian terhadap kemelut ini supaya tidak berpanjangan. Mereka sepatutnya membincangkan samada pemilihan UMNO patut diadakan secepat mungkin atau tidak. Mereka sepatutnya membincangkan samada usul untuk membuat pemilihan UMNO dengan segera patut dibahaskan dalam perhimpunan UMNO ini atau tidak. Hanya Pemilihan UMNO secepat mungkin sahaja yang akan menyelesaikan kemelut terhadap parti.

TSMY merayu untuk berucap bukan kerana dia mahu berucap. Tetapi disebabkan penyokong dia yang mahu dia berucap. Jumlah penyokong dia tidak diketahui mungkin 30% atau 50% atau lebih. Adakah Majlis Tertinggi mengambil kira ini?

Keputusan Majlis Tertinggi semalam menunjukkan pemikiran mereka tidak matang untuk perpaduan parti. Mereka amat jumud.

Salam Tun.

111.



[Log in to Reply anak wawasan 2020](#) Dec 10, 2015 10:42 AM

<http://www.thestar.com.my/news/nation/2015/12/10/umno-agm-dr-mahathir-arrives-at-pwtc/>

Salam Ayahanda Tun,

Selamat bersidang.

Bangga melihat Tun berjalan dengan segar, berani dan gagah.

Terima kasih kerana "membawa suara rakyat" untuk menghadiri PAU tertutup.

We count on you Tun.

Doa kami bersama Tun sentiasa.

Semoga Allah mempermudah jalan ke arah kebenaran dan membantu rakyat Malaysia keluar dari penjara kezaliman ini.

Amin yarabbal a'lamin.



112.

[Log in to Reply sahabudin](#) Dec 10, 2015 10:25 AM

Assalamualaikum Tun & Keluarga,

Semoga Allah sentiasa memberikan Tun sekeluarga kesihatan yang baik serta menghindari Tun dari anasir-anasir yang berniat jahat.

Peribahasa umpama "kulit lupakan kacang" itulah yang boleh dikatakan mengenai DS Najib yang telah lupa akan keadaan dirinya sewaktu Tun memerintah negara kita selama 22 tahun. Agak aneh juga selama 22 tahun karier Tun sebagai Perdana Menteri, Tun amat disanjung oleh kawan & disegani oleh pihak lawan tetapi hairannya tak sangka pula deligasi yang Tun tinggalkan diwarisi oleh orang-orang bertalam dua muka seperti DS Najib yang kini seperti menjadi ular yang mengeluarkan taringnya. Ingatlah wahai orang melayu & UMNO, tanpa pengorbanan Tun dimanakah ANDA ? Janganlah diperlekehkan jasa-jasa & pengorbanan Tun kepada negara kita. Kita ini adalah Rakyat Malaysia yang tak tahu malu, negara luar amat menanjung Tun walaupun usia Tun yang telah tua tetapi apa kita buat ? macam-macam kita kata nyayoklah, nak kuasalah & macam-macam lagi. Bila kita nak sedar ini ? Nak tunggu Jepun & komunis masuk ke tanah melayu lagi ? Bila terpaksa cucuk tanam ubi baru nak menyesal ? Sedarlah tuan-tuan, hargailah pemimpin pemimpin yang banyak menyumbang kepada negara suatu ketika dulu. Sekarang ini pun negara kita dah mundur 50 tahun kebelakang sebab banyaknya wang berbillion yang hilang. Kita sepatutnya beruntung kerana Allah masih panjangkan usia Tun & beliau masih berjuang untuk negara malaysia. Kenapa orang-orang Melayu mudah lupa diri ? Apa yang nak dibongkakkan sangat oleh orang melayu UMNO sekarang ? Budak muda lepasan U pun boleh terpengaruh dengan faktor keadaan politik dengan menghentam Tun. Kenapa jadi sampai begini ? Kepada orang UMNO yang membaca ruangan ini, berubahlah tuan. Tunjukkanlah kepada generasi muda yang sedang naik ini, bukan semua orang UMNO itu tamak, gila kuasa, penipu,

kaki ampu dan sebagainya. Ingatlah Allah sentiasa mengampuni hambanya selagi kita masih bertaubat, berubahlah tuan sebelum kita semua terlambat, Amin...



113.

[Log in to Reply](#) **anak wawasan 2020** [Dec 10, 2015 9:48 AM](#)

Salam Ayahanda Tun,

Mohon ruangan,

<http://www.thestar.com.my/news/nation/2015/12/10/najib-speaks-his-mind-in-candid-interview/>

Bak kata pepatah, "If you do not have something good to say, dont say anything".

Wisdom of a man/woman is defined by his/her words.

DSN said that he is in the "fighting shape and don't worry".

Sebagai seorang rakyat Malaysia yang perihatin, saya amat hairan.

Apa sebenarnya isunya sampaikan DSN bersiap sedia untuk bergusti ni?

Dengan siapa DSN nak bergusti?

Bilanya acara gusti akan berlangsung? Peringkat negeri atau kebangsaan?

And for your information Mr. PM, who in the world is worried?

U mean Malaysians?

As for us, we are worried of 1 thing only..that is your answer to our questions!

Not about you to wrestle with anyone, no of our interest at all.

You can pick it up as your hobby anyway. But please do not use our money again for that purpose (pesanan).

Atau DSN sebenarnya sedang bergusti dengan jeritan dalaman yang datang dari dalam diri nya sendiri.

Jeritan batin yang meronta-ronta kesakitan?

Takkan nak bergusti dengan Tun kot?

Tun pun dah tak larat nak bergusti.

Tun tanya saja bukan nak bergusti.

Yang setahu saya, mereka-mereka yang bertanya soalan kepada DSN kebanyakannya bukan nak bergusti pon.

Itu bukan niat mereka.

Cuma tanya saja.

Apa kata DSN mempersiapkan skema jawapan yang dapat diterima akal purata rakyat Malaysia daripada mempersiapkan diri untuk bergusti?

That takes a lot of energy DS! No wonder you are thinner now. Yes, it can means you are in better shape now but it can also means other wise.

Take it easy DSN.

Yoy have given a very brilliant piece of advice to TSM whom you think should have looked out for you and asked because you said that this is leadership.

And mind you, this is exactly what you are doing to Tun and all of us the Malaysians (in case you did not realise).

Yo need to go to Tun and the rakyat and give us answers!

Your current strategy did not work.

Yur answers given to us so far are unacceptable.

Tak boleh diterima akal.

Setaraf percaya benda ghaib.

Face the mirror and wake up please!

You dont have much time. The clock is ticking. Dont wait until you loose more weigth because by that time it may be too late.

Terima kasih,Tun.

114.



[Log in to Reply](#) **superman1** Dec 10,2015 9:31 AM

Salam Tun,

Sekalung tahniah kerana menghadiri perhimpunan bersama TSMY di kampung baru. Sangat teruja mendengar ucapan Tun dan TSMY malam tu. Percayalah...kami dan beribu-beribu masih bersama Tun dan yang lain-lain yang mencari kebenaran.

Jelasnya penipuan demi penipuan terus berlaku. Dengan pengampu-pengampu sibuk menjelaskan bagi pihak Najib. Najib takut nak bukak mulut. Dia takut dia lupa apa dia cakap. Biasalah, orang menipu ni jawapan dia bertukar-tukar ikut musim. Kalau naik mahkamah kalau peguam kata kenapa jawapan dia berbeza-beza, boleh la dia kata bukan dia yang kata tapi pengampu dia yang kata.

Majoriti masyarakat dah boleh agak dah. Orang yang benar tak payah susah-payah block itu ini untuk membuktikan dia tak bersalah. Zahid si lembu pun bukan main lagi. Kita anggap dia sama jer macam Najib. NAJIB jatuh...Zahid- you are next. Jangan berangan le nak jadi PM. Orang tak perlukan balaci

pengampu membabi buta untuk teraju negara. Memang hancur. Sorry to say TSMY is the most suitable right now.

Buat penjelasan di parlimen pun macam budak PT3 buat karangan. Lain kali jangan bagi pembangkang masuk dewan parlimen. Bagi penjelasan pada Pankidar je. Sure dia angguk je macam burung belatuk.

So to all Najib supporter, just wait. Terus pikul dosa-dosa si Najib ya. Berat tu.. memang kena pikul ramai-ramai. Najib tak larat nak junjung sorang-sorang.



115.

[Log in to Reply Hajar](#) Dec 10, 2015 8:54 AM

Salam YAB dan Yang DiKasihi Tun,

1. Tun telah membuktikan keupayaan Tun memimpin Malaysia selama 22 tahun.
2. Tohmahan2 dari rejim PM Najib @ Ah Jib Gor tidak akan mengubah apa2 fakta dan sejarah kecemerlangan Tun sebagai PM Malaysia.
3. Majoriti rakyat (Tun sentiasa dapat mempertahankan majoriti 2/3 pada kelima-lima PRU) tahu Tun seorang pemimpin berjiwa rakyat dan sentiasa mengutamakan rakyat.
4. Setiap tindakan dan keputusan yang Tun buat sentiasa mengambil kira kepentingan rakyat jelata. Tun sanggup berkorban demi rakyat.
5. Tun tidak perlu ada slogan 'Rakyat didahulukan...' untuk sentiasa mendahulukan rakyat.
6. Jadi, kenyataan2 berbentuk tohmahan liar yang berniat jahat yang dilemparkan oleh rejim PM Najib terhadap Tun M kita semua boleh abaikan, kerana Tun memang TIDAK PERNAH mementingkan diri sendiri dalam setiap tindakan.
7. Kepada rejim PM Najib, eloklah bermuhasabah diri. Mungkin anda semua yang sebenarnya yang sentiasa menjaga kepentingan diri sendiri sehingga lupa tentang tanggung-jawab dan amanah berat yang anda semua pikul sebagai pemimpin2 yang dipilih oleh rakyat.
8. Lagi satu, tentang cerita DSN mengenai 'hikayat penderma2 Tok Arab – RM2.6 Billion', cuma orang yang 'kurang waras' saja yang percaya kepada cerita 'dongeng' bahawa kononnya 'Ketua Kabilah Arab beri derma RM2.6 Billion kepada Ketua Kabilah UMNO' (dan syaratnya mesti guna akaun peribadi Ketua Kabilah UMNO). Tapi pelik sungguh, 'Ketua Kabilah Arab' tersebut tahu tentang parti UMNO dan mahu UMNO terus memimpin! Famousnya UMNO! Alahai!
9. Turunlah wahai PM Najib! Anda gagal! Dan anda juga sudah mula meracau...

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga ***

116.



[Log in to Reply sibotak](#) Dec 10, 2015 7:05 AM

Malaysia

We have 4 powerful ! Experience Leader still Alive and Strong

Tun Mahathir Muhammad, Tun Najib Razak , Tun Abdullah Badawi , Tun Anwar Ibrahim

These are our True Asset

Chemistry is not there to Cheer Malaysia Ahead

Let Past is Past , Things Done cannot be unDone

Let it be a passing cloud .Let's let it go

1MDB losses is a Peanut

These loses between our Leader is The Biggest Waste we did not foresee

In the name of Allah

These 4 must of every nerves make their moves to

Buang Yg Keruh Ambil Yg Jernih Demi Ummah

We Malaysia also Failed to Unite and make Good our Precious Leader

Instead of Uniting them we drifted and Split among ourselves

Let it be Passing Cloud

Let's Shine Malaysia Together

Let's attempt these precious leader to have Teh Tarik together

I hope the Govt Sector make an attempt to make these moves

Get these 4 to Sit for a Start . Let's see their Cheerful Face instead of every of them Frowning .They

Frown We Frown .They Smile We Smile

Please in the name of Allah

I hope any Organizations , any individual can make this moves

Honestly I,m just a Vegetable Seller in a Wet Market

Within my means to reach them as I,m not recognize

But I will spent my penny for them for Ummah

117.



[Log in to Reply sibotak](#) Dec 10, 2015 6:43 AM

Dalam Perjuangan , Perniagaan , Rumah Tangga , Pergaulan sebagainya perlu ada Chemistry

Walau Niat kita sama jika tidak ada Chemistry susah nak ke depan

Saya berpendapat Niat Tun Dan Najib sama seiring Dan ikhlas

Cuma mungkin tidak ada Chemistry

Antara sebab lain Putra Jaya Sudah dijangkiti Virus Politik Luar

Sudah berlaku di zaman PakLah Dan pengakuan dari Tun sendiri

Ini Amat Bahaya untuk Malaysia

Ini Yg mengugat Malaysia

Ini Yg kita perlu tangani se belum kita Bolih bersama Kedepan
Ini punca segalanya Yg hubungan Tun , Najib ,juga Pak Lah Jadi tidak Ceria
Mereka tidak bermusuhan Alhamdulillah
Cuma Ada SETAN menghalang dengan Niat Suci masing masing
Sayan yakin ketiga Pemimpin saya Ini Ber Niat Mulia
Tun Mahthir, Tun Badawi , Tun Najib
Cuma Tidak Ada Chemistry di antara mereka
Ini Yg merugikan Malaysia lebih dari Kerugian 1MDB
Sebab masing masing Ada cara masing masing
Masing masing Ada Batu Besar duduk di Kepala masing masing
Tidak Siapa Salah tidak siapa betul
Berpunca dari kurang Komunikasi di antara 3 Pemimpin kita Tersayang
Di tambah Virus Politik Luar Yg menjarak Dan meretakan hubungan mereka

Saya Harap Dan Berdoa agar Tun , Najib , Pak Lah bertiga
Dapat meluangkan masa bersama ,jangan segan jangan silu
Duduk bertiga minum Kopi dengan berkallimah demi Ummah
Saya Belanja
Just Name me yr Time and Place

118.



[Log in to Reply rkmh226](#) Dec 10, 2015 4:30 AM

Assalamualaikum...

Dear YABhg. Tun,

Bravo! You have done more than enough to us, rakyat as well as to the nation. We are very proud to have you as our PM before. I do agree with anak wawasan 2020 that you have set certain benchmark as PM. Therefore, The PMs after you are facing tough times to subsribe your style of managing the country and they are in the state of denial of almost in everything, besides having inferiority complex, especially PM DSN.

Tun, you have enlightened us about many wrong doings by the PM and his team and we thank you for that. I strongly believe that the majority of rakyat would do thier parts in coming GE – time to change and just do it! I just hate to see if UMNO would b gone with the wind. Wallahualam.

Our dearest Tun, please take a superb care of yourself, alright...

Wassalam

119.



[Log in to Reply joetamchi](#) Dec 10, 2015 4:15 AM

#berkumpuldikumpulbahagian

Majlis tertutup memberi ucapan...
Taklimat presiden merapek meraban...
Cuba mmbuat suatu bandingan...

hehehe...!
hihihi...!
huhuhu...!

#tuhannafsu

6tahun berada disitu....
Semakin lama, semua nak ditipu...!

*

#umNgok
untuk melayu boNgok...
Melayu boNgok mudah disogok...!

*

#3mim
Maruah Melayu Murah.....?
hah..!.hah..!.hah..!.hah..!.hah..!.

120.



[Log in to Reply](#) **adelheid** Dec 10, 2015 2:15 AM

Dear Tun,

No coverage on PAU this time around, nothing on tv except sekali sekala the 'good news only' of the 'rock solid support' for the president. PAU this year is indeed an exclusive one. And because of its exclusivity the president dares to behave and talk craps to the applause of his 2x5 unmindful audience (his audio on 'dunia penderma tak sama dunia kita').

Similar scenario could be anticipated of today's opening of PAU. Just be prepared Tun and listen to the craps that will engulf the whole PWTC in a flame of rubbish. And yet the unmindful herd (wanita and puteri especially) just listen in awe.

Tun, do take good care today at the PAU 2015. Remember to be safe always.

121.



[Log in to Reply](#) **cruze** Dec 10, 2015 1:41 AM

Asalamualaikum Tun,

Mewakili rakyat malaysia saya berterima kasih kerana Tun tidak jemu mengutarakan isu yang membelengu kepimpinan dan menteri2 kita..yang rendah harga dirinya.

Ikhlas dari saya salam sejahteta untuk Tun dan isteri semoga allah memberkati Tun di dunia hingga ke akhirat..

Tiada terlintas untuk membodek seorang pejuang negara yang tidak mengenal penat..



122. [Log in to Reply](#) **adelheid** [Dec 10, 2015 1:29 AM](#)

Dear Tun,

Selamat menghadiri perasmian PAU 2015 esok. Dekat atau jauh kami semua mengingati Tun dan kami bersama-sama Tun.

Be safe always Tun Mahathir.



123. [Log in to Reply](#) **rimba.emas** [Dec 10, 2015 1:28 AM](#)

Salam Tun.

1. Rimba Emas tidak pernah dijemput dalam persidangan UMNO kerana tiada jawatan didalamnya. Tetapi....
2. Ketika di beri peluang menghadiri taklimat oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin di Kelab Sultan Sulaiman pertama kali berdiri menyanyikan lagu negara ku (pertama kali dengan ahli UMNO) di ikuti lagu UMNO sendiri.
3. Dihayati adanya lirik yang mertabatkan demi negara , bangsa dan agama.
4. Tidak tahu pula semangat menyanyikan hanyalah pentingkan lagunya sahaja tetapi amalan terhadap di demikan itu dilaksanakan atau tidak ? wallahua'lam.
5. Sebagaimana Allah s.w.t mengingatkan Rasullullah s.a.w supaya memberi peringatan kepada umat manusia supaya takutkan azab yang akan diterima kalau melanggar perintah Allah s.w.t.
6. Dalam memberi peringatan Rasullullah s.a w tidak perlu emosi kalau ditentang. Sebaliknya jangan putus asa teruskan kalau tidak berjaya kerana yang memberi hidayah kepada seseorang itu terletak pada kuasa Allah s.w.t.
7. Bermakna yang bersalah itu tetap bersalah pada sisi Allah s.w.t tiada kompromi walau pun atas maksud lain seperti atas nama persatuan kepartian. Kebenaran tetap akan ditegakkan kerana kuasa mengubahnya atau hukuman bukan milik kita manusia tetapi pada kuasa Allah s.w.t.
8. Menghukum atau mengubah semuanya perlu mengikut apa yang di dikehendaki oleh Allah s.w.t. Kita manusia hanya diminta mengingatkan dan jangan putus asa dan bersabar dalam mengerjakannya.
9. Jadi ingatlah dalam mengatakan sokongan kepada seorang Presiden dalam agama tiadanya kompromi atas nama penyatuan jika seseorang itu ada kesalahan dalam pengurusan yang dipegangnya walau pun tidak nampak didalam UMNO.

10. Menegakkan kebenaran dalam agama juga tiada kompromi untuk parti UMNO dan parti-parti lain. Semuanya di tuntutan menegakkan kebenaran sepertimana yang dikehendaki oleh Allah s.w.t.

11. Katanya mewakili orang melayu jadi kenalah juga mewakili melayu yang tidak bersetuju dengan GST, kenaikan tol, serta pengurangan subsidi, melibatkan kerajaan berhutang dan segala yang membebankan rakyat.

12. Rakyat yang tidak bersetuju terpaksa menerima apa yang dilaksanakan semua yang dilakukan pihak pemerintah yang mempunyai kuasa ditangan.

13. Sepatutnya yang bersetujulah yang patut mengharungi semua bebanan ini. Sebaliknya yang tidak bersetuju tidak diberi pilihan malah dipaksa dengan kuasa yang ada.

14. Pada Allah s.w.t.lah yang dipinta kerana kami yang terbeban yakin dengan kekuasaanya sebagaimana yang diingatkan Rasullullah s.a.w akan bicara hari akhirat.

15. Didunia ini dapatlah manusia menyembunyi keadaan sebenar. Kehidupan peribadi dirahsiakan dimuka umum dengan dikawal kiri kanan, dibela sarjana hukum mencari jalan-jalan keluar dari jeratan undang-undang.

16. Sebaliknya diakhirat tiada jalan keluar hanya amalan hidup menjadi pembela ketika hidup di dunia ini.

Wallahua'lam.

124.



[Log in to Reply](#) **abd** [Dec 10,2015 12:27 AM](#)

Assalamualaikum, Tun. Thank you for your explanation and rebuttal.

Pahlawan bugis, ur turn. Ada berani saman Tun and those who "accused" you?

I don't think so. Berani kerana benar. Takut kerana pengecut.

125.



[Log in to Reply](#) **nase** [Dec 10,2015 12:07 AM](#)

Ayahanda Chedet,

Assalamualaikum..

Sebenarnya ds najib tersilap dari awal dia jadi PM lagi. Lagaknya macamlah dia tu pewaris bumi keramat ni. Dengan mengangkat sumpah jawatan berlafazkan ikrar kalimah 'Wallahi, Wabillahi, Watallahi' dia mula menjawat jawatannya, tapi tak lama kemudian onarnya bermula dan kemuliaan Allah telah dikesampingkan serta diketepikan. Makanya sekarang beliau mulai dimakan sumpahnya sendiri. Kita tunggu sajalah saatnya untuk kita menyaksikan beliau menerima laknat Allah kerana mencurangi amanahnya kepada rakyat jelata. Wallahualam..

126.



[Log in to Reply](#) **anak wawasan 2020** [Dec 9,2015 11:55 PM](#)

Salam Ayahanda Tun,

Usah diperdulikan omong kosong DSN yang berlagak seperti orang melatah.

Macam perangai budak kecil yang mentah belum baligh. Sebagai kanak-kanak, bila ditegur, terus dicarinya kesalahan orang yang menegurnya sebagai defence mechanism.

Pada pandangan saya lah Tun, DSN dan PM selepas Tun memang mengalami masalah benchmark. Tun telah set penanda aras yang amat tinggi. They have a big shoe to fill. Masalah tak kompeten, masalah tak berkeupayaan dan banyak lagi masalah depa yang menyebabkan depa berperangai kebudak-budakan.

Tun merupakan the true leader yang telah menjadi ikon kepada pembangunan Malaysia. Pergilah ke mana pelusuk dunia ni. Bila orang bertanya, "Where are you from?". Bila saja saya menjawab "Malaysia", terus saya mendapat jawapan stereotaip.."Ooh.. Mahathir!"

Betapa bangga nya kami rakyat Malaysia ni Tun hanya Allah yang mengetahui.

Namun sekarang kalau saya ke luar negara, nak mengaku asal usul pon pikir 100 kali..sebab jawapan tren terkini ialah "Malaysia? Oh how was your PM and 1MDB?". Hanya Allah yang tahu perasaan saya pada saat dan ketika itu.

Tun, you have made us proud.

You have made Malaysia proud.

You have made other nations proud of Malaysia too.

There is only 1 Mahathir born once in a lifetime.

And Malaysia is so lucky to have you for us.. (kata-kata dari seorang sahabat saya dari luar negara).

Tun, whatever DSN says bad about you, just discount him. Its just a matter of inferiority.

Selamat beradu, Tun



127.

[Log in to Reply WandyCaswady Dec 9, 2015 11:41 PM](#)

Assalamualaikum kpd saudara yg dihormati dan dikasihi...

1. Perfileman itu sendiri telah membuka mata dunia tentang dunia pelaburan melalui syarikat-syarikat seperti insurans, saham dan mungkin juga tender. Mungkin ada seseorang itu memonopoli syarikat2 kecil dgn mengenakan penalti. Mungkin ini harus dilakukan penyelidikan dr pihak pakar ataupun detective Conan untuk menyelidik share di dlm sesetengah syarikat. Kalaulah sy ini dajal. Sy akan memanggil rakan2 sy untuk menjual nama mereka kpd sy. Sebagai sponsor.. sy akan mendapat keuntungan dgn mudah sekali dgn jaringan laba2 yg telah di buat baiknya..Jadi sy akan terlepas juga. Logik bukan? Jadi mungkin Dol and Sach ada informasi. Allualam

2. Untuk jambatan pula.. syarikat manakah yg mendapat tender tersebut? adakah semua syarikat tersebut berhubung kait dgn sesetengah pemimpin kita atau saudara mereka.. ini hanya teori.. jgn dipercayai apa yg sy usulkan ini.. hanya buah fikiran semata.. apakah ini yg dinamakan ia proxy?

3. Saya tahu bahawa Tun amat sayangkan Umno. Saya tahu benar akan perjuangan suci umno. Sy percaya bahawa umno boleh membantu dan menjadi jambatan untuk menghubungkan persahabatan dan persaudaraan terutamanya dr kaum cina dan india. Saya tahu benar akan perangai orang cina. Mereka golongan dan kaum memang berdisiplin. Lihat saja selesai Subuh..tp tu lah.. sy pun 2 kali 5..5



kali 2..haha

4. Pendapat yg sy dapat adalah dr ilham Kutu dan Persatuan Penjaja2 kecil Melayu. Kita tahu kita asia.. dikategorikan sebagai org dunia ke3..Pekerja luar negara banyak kita byr sedangkan rakyat kita sendiri bnyk yg menganggur.. Iya lah.. kita org msia kalau kerja buruh stakat gaji 1000. Mampukah kita tinggal di negara kita ini? Pekerja asing gaji kalu Rm.. besar la bagi mereka jika dibawa pulang kampung.. Tp mereka yg sudah kaya bekerja disini.. Membuka syarikat disini.. Mcm mana kita Malaysia hendak maju? Proxy.. here and there in the name of share....

5. So...mengapa tidak kita Asian.. mengadakan bermain kutu.. akan tetapi.. hendaklah ditukarkan menjadi dolar atau emas jika bijak mengatur langkah.. Jadi hutang mungkin boleh berkurangan.. Mungkin dr hasil kutipan kumpulan itu juga kita boleh simpankan 10% utk kecemasan spt bencana alam.. derma dan dll... Mungkin cara ini juga boleh dipraktikkan di dlm Msia itu sendiri tetapi berpusatkan kpd PJ atau dibahagikan agar tidak berlaku penyelewengan pd satu tempat.. dan audit diantara satu sama lain adalah baik.. as a check and balance policy..

7. Saya minta maaf sekiranya salah pandangan saya ini.. Mungkin boleh dipertimbangkan drpd kita terus meminjam dan terkesan ekonomi negara kita akibat ekonomi negara lain..

assalamualaikum....



128.

[Log in to Reply NtahLaaNak Oii](#) Dec 9, 2015 11:32 PM

Salam.YAB Tun,

Saya orang kampung Tun,dulu memang kami tak berapa peduli pasal politik ni.

Tapi sejak2 DSN mangkok jamban ni PM,bukan kata amek peduli.kami belia2 muda di kampung kerja hantam maki hamun DSN saja.ada saja topik panas bab DSN mangkok ni kami bahan kan.

Kadang terpikir jalan pintas nak cari duit dengan kesempitan hidup sekarang.nak sara mak ayah memang tak mampu.diri sendiri pun tak lepas.peluang pekerjaan tak banyak area kampung ni Tun.

Kadang yang merompak menyamun tu saya rasa atas desakan hidup.kalau ada duit tadak sebab mereka nak menyamun.tekanan Tun.orang susah makin susah.

Akhiri penderitaan kami Tun.

Wsslm.

129.



[Log in to Reply](#) **Daniel Noor** [Dec 9, 2015 10:37 PM](#)

Salam sejahtera Tun

Najib maseh dan tetap memperbodohkan org Melayu, terutama ahli UMNO dari akar umbi hingga Menteri2 yg dia lantik itu. Perlahan2 maruah Melayu hilang dan di bikin senda gurau bangsa laen.

Yang sedih nya ahli UMNO terutama yang menyadari salah laku Najib itu tetap berdiam diri dan maseh memberi sokongan. Mereka ini boleh di anggap ' Kaum tidak malu dan menjual Maruah '

Tun lupa utk ' add ' gaya hidup atau Lifestyle Najib dan keluarga. Cara mereka mempamerkan kekayaan yg mereka raih dlm waktu singkat itu lebih menonjol di banding kan dengan Billionaire2 dunia.

Malah ada juga beberapa menteri dia yg boleh di anggap sebagai Millionaire Ministers.

Dan sedih nya ahli UMNO TETAP BERDIAM !!!!

130.



[Log in to Reply](#) **musato** [Dec 9, 2015 10:26 PM](#)

Assalamualaikum Tun.

Tun layan lagi ker mamat bodoh tu? Tun tak tahu ke kat Pahang tu isu bauksit tak habis habis?

Dengar kata habis pokok pokok pun dah jadi merah. Rasa rasanya bandar Kuantan tak lama lagi pun dah nak bertukar ke warna merah bauksit.

Sama saje dari MB ke Sultan sampailah ke Perdana Menteri. Orang Pahang jati. Lagi dilayan mamat bodoh tu, makin bertambah bodoh kita.

Saya rasa saya pernah jumpa orang berperangai begini. Low class, IQ level rendah. Jadi diharapkan manusia manusia yang mengikut dan bersabar dengan perangai mamat ni sedar sedarlah sikit.

Mamat ni tengah perintah negara bukan main pondok pondok.

Maaflah guna bahasa kasar sikit, sebab cara mamat ni bukan cara orang bangsawan tulen. Mungkin tak tulen pun.

Terima kasih Tun.

131.



[Log in to Reply](#) **napiz** [Dec 9, 2015 9:53 PM](#)

Assalamualaikum..kalau semua pemimpin-pemimpin umno tak buta mata dan hati atas apa yang najib lakukan inshaAllah najib akan letak jawatan.

© 2015 — All Rights Reserved.

Source: <http://chedet.cc/?p=1936>